



Wadah
SIG

ECONATREA

MERUNGKAI SEMULA PERJALANAN WEBINAR II ANJURAN KUMPULAN SIG ECONATREA “BIG CATS: CAN WE STILL HEAR THEM ROAR?”

Dr Nur Hasyimah Ramli, Nursyazni Abdul Rahim, Siti Nazaemilia Kharudin, Nur Azimah Osman, Syazuani Mohd Shariff, Sarah Shazwani Zakaria dan Ahmad Zaimi Mohd Zawawi

ECONATREA, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

econatrea@uitm.edu.my

*Assalamualaikum
W.B.T.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya webinar II anjuran kumpulan SIG ini telah dapat dianjurkan dengan jayanya. Sesi perkongsian ini telah diadakan pada Rabu bersamaan 17 November 2021 (2.00-4.30 petang) melalui platform Google Meet (<https://meet.google.com/rjf-vxwn-vjg>) dan FB_Live Pusat Pengajian Biologi (<http://shorturl.at/ahmrL>). Seramai 100 orang peserta telah menjayakan sesi webinar II ini yang mana ia terdiri daripada staf UiTM, Pelajar UiTM dan ahli dari badan bukan kerajaan (NGO's).

Sesi webinar ini berfokus kepada perkongsian mengenai spesies-spesies yang dikategorikan sebagai kucing besar (big cats) termasuk spesies harimau dan singa, dll. Antara informasi-informasi yang ditekankan termasuk: apakah itu kucing besar?, apakah spesies-spesies kucing besar dan berapakah bilangannya yang terdapat di Malaysia, apakah status kucing besar dalam IUCN Redlist? dan apakah servis ekologi yang diberikan oleh kucing besar dalam ekosistem? Panel jemputan bagi sesi webinar II ini adalah En Hazril Rafhan bin Abdul Halim, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Konservasi Hidupan Liar, PERHILITAN Malaysia. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perhutanan dan telah berkhidmat selama 13 tahun di PERHILITAN dalam merancang, menyelaras dan memantau tindakan dibawah National Tiger Conservation Action Plan (NTCAP).



Rajah 1: Poster Webinar II

Selain itu, beliau turut mendapat latihan di luar negara dengan kerjasama oleh the Global Tiger Forum (GTF), Wildlife Institute of India (WII), Smithsonian Institute (SI) USA, Global Tiger Initiative (GTI), International NGOs, serta turut bekerjasama secara rapat dengan pakar-pakar harimau di Tiger Country Range (TRCs) termasuk Bangladesh, India, Bhutan, Nepal, Myanmar, China, Lao PDR, Cambodia, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Russia.



Wadah SIG



Antara input yang disampaikan oleh panel termasuk lah; Istilah "kucing besar" biasanya digunakan untuk merujuk kepada mana-mana lima ahli yang masih hidup dalam genus Panthera; Harimau, singa, jaguar, harimau bintang, harimau salji, serta cheetah dan puma. Walau bagaimanapun, hanya 4 spesies pertama ini yang mampu mengaum. Perbezaan utama antara kucing besar dan kucing biasa adalah pada bunyi yang mereka hasilkan. Kucing yang lebih kecil mendengkur; kucing besar (kecuali cheetah, lynx, dan harimau salji) pula mengaum. Mereka juga boleh mencicit, merengus, menjerit dan membuat beberapa bunyi lain atas bantuan ligamen dalam kotak suara mereka. Manusia adalah satu-satunya pemangsa harimau ini. Harimau dipanggil pemangsa utama kerana mereka berada di bahagian atas rantai makanan haiwan.

Nama Spesies:

Harimau Malaya (*Panthera tigris*)

Mangsa Utama: Rusa, Lembu, Babi Hutan

Habitat: Hutan tropika yang tebal

Pemangsa: Manusia

Diet: Karnivor

Gaya hidup: bersendirian

Makanan kegemaran: Rusa

Ciri-ciri fizikal Harimau Malaya:

Warna hitam putih dan jingga


Jenis Kulit: Berbulu

Kelajuan tertinggi : 120 km/j

Jangka hayat : 18 - 25 tahun

Berat badan: 80kg - 150kg


Walaupun mereka adalah pemangsa utama, harimau ini menghadapi pelbagai ancaman terhadap kewujudan mereka. Harimau ini telah mengalami kehilangan habitat dan pemburuan haram oleh manusia. Mereka diburu oleh manusia untuk kulit mereka dan pelbagai bahagian badan digunakan untuk menghasilkan ubat-ubatan. Kadangkala mereka dibunuh oleh petani apabila harimau menyerang ternakan. Status pemuliharaan rasmi harimau ini menurut Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam (IUCN) sebagai Terancam Secara Kritis.



Rajah 2: Malayan tiger at the Cincinnati Zoo

Sumber: Greg Hume, 2009

Usaha pemuliharaan sedang dibuat untuk melindungi harimau ini. PERHILITAN dan WWF di Malaysia telah mengambil langkah untuk memantau populasi harimau ini dan meningkatkan usaha untuk mendidik orang ramai mengenainya. Zoo di seluruh dunia mengambil bahagian dalam program pembiakan untuk harimau Malaya juga, untuk meningkatkan populasi.



Rajah 3: Semasa sesi webinar sedang berlangsung



Rajah 4: Perbincangan antara panel dan ahli ECONATREA selepas sesi webinar tamat

#jomselamatkankucingbesar
#natureistreasure
#econatrealet'sconservetheworldtogether